



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BILANGAN : IKLAN 49/07/18**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT KHAS (E.2-3 EB.4)  
JABATAN-JABATAN KERAJAAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



### Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian V

Untuk mengelakkan permohonan awda ditolak, sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah lengkap dan di muat naik ke dalam Profil awda sebelum menekan butang 'Apply';



Kad pengenalan dan Lesen Memandu (jika berkenaan).

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Kad Pengenalan.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Lesen Memandu.pdf</a>



**SIJIL KELULUSAN** atau **PENGESAHAN JABATAN PEPERIKSAAN** sebagaimana yang dikehendaki oleh Skim Iklan.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">PCE.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">UGAMA.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">PMB.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Sijil Berhenti Sekolah.pdf</a>



Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sebagaimana kehendak skim.



Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan, pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan “*Current Government Employee*”/”Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam”. Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

### My Profile

#### Working Experience

Public and Ex-Government Employee +

Current Government Employee -

	Start Date	To Date	Name And Address of Employer
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office

#### Current Appointment

Starting Date

Ministry

Department

Job Title



- |   |
|---|
| <p><b>1. Pemandu Motor Sangkut Tingkat Khas</b><br/><b>Jabatan-Jabatan Kerajaan</b><br/><b>E.2-3 EB.4 (\$590 - \$875 sebulan)</b><br/><b>KEKOSONGAN = SATU (01)</b></p> |
|---|

**KELAYAKAN MINIMUM:**

- a) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau sebanding dan mempunyai Sijil Kecekapan Pegawai Laut Kelas 9 terhadap bagi Pemandu Motor Sangkut yang diaturkan oleh Jabatan Laut.

Mempunyai Kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.


**ATAU**

- b) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Pemandu Motor Sangkut Tingkat I dalam tanggagaji F.4 selama tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- Mempunyai tubuh badan yang sihat, penglihatan yang baik dan lulus peperiksaan mata serta pandai berenang.
- Mempunyai pengetahuan yang luas mengenai perairan sungai di Negara ini.
- Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam kerja-kerja membaiki kerosakan Motor Sangkut.
- Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu. Mempunyai pengetahuan yang baik dalam Bahasa Inggeris adalah merupakan kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

**SECARA AM**

- Menjaga dan memandu motor sangkut bagi membawa penumpang-penumpang dan pegawai / kakitangan Jabatan untuk menjalankan tugas di kawasan-kawasan yang hanya dapat didatangi oleh motor sangkut atau lain-lain tugas Jabatan yang diaturkan.



2. Bertanggungjawab dalam kerja-kerja pemeriksaan dan pembaikan kerosakan-kerosakan Motor Sangkut dan kerja-kerja berkaitan.
3. Membuat Laporan sekiranya ada kerosakan-kerosakan yang perlu gantian.
4. Bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan Motor Sangkut dan memastikan ianya sentiasa dalam keadaan baik serta mempunyai kelengkapan-kelengkapan yang diperlukan seperti jaket keselamatan dan sebagainya.
5. Bertanggungjawab terhadap keselamatan penumpang.

#### **DI JABATAN PERIKANAN**

1. Memandu perahu berjentera Jabatan Perikanan.
2. Bertanggungjawab dalam pemeliharaan dan pembaikan ke atas perahu-perahu dan injin-injin.
3. Menerima dan melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan oleh Ketua Divisyen, Ketua Seksyen dan pegawai-pegawai atasan yang lain dari semasa ke semasa.